

06/02/2003

Perjanjian khas bawa kes Batu Putih ke ICJ dimeterai

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SELEPAS kira-kira 24 tahun isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih ditimbulkan, 6 Februari 2003 mencatat satu lagi sejarah dalam hubungan dua

hala di antara Malaysia dan Singapura.

Hari ini, di Wisma Putra, Putrajaya, kedua-dua negara menandatangani perjanjian khas berkaitan tuntutan bertindih itu - satu perjanjian yang membolehkan pertikaian kedaulatan pulau terbabit dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di The Hague, Belanda, untuk pengadilan mutlak.

Persetujuan untuk menandatangani perjanjian itu dicapai selepas kedua-dua negara gagal dalam mencari penyelesaian untuk menentukan kedaulatan pulau berkenaan.

Proses perundangan di mahkamah dunia adalah cara penyelesaian akhir seperti yang dilakukan Malaysia dan Indonesia dalam tuntutan Pulau Sipadan

serta Ligitan yang dimenangi Malaysia tahun lalu.

Perjanjian ini juga dilihat sebagai satu langkah tepat bagi kedua-dua negara dalam usaha menyelesaikan beberapa konflik tertanggung sehingga menjejaskan hubungan dua hala Malaysia-Singapura ke tahap yang dianggap terburuk sejak republik itu bertindak keluar dari Malaysia pada 1965.

Bagi Malaysia, perjanjian berkenaan yang selain diharap mengekalkan status quo pulau itu, kedua-dua Singapura dan Kuala Lumpur tidak boleh mempertikaikan lagi keputusan yang akan dibuat ICJ kelak, selepas fakta dan hujah kedua-dua pihak dibentangkan dan diadili di muka keadilan antarabangsa.

Proses pembentangan fakta ke ICJ mungkin memakan masa yang lama, iaitu sekurang-kurangnya tiga tahun selepas perjanjian ini ditandatangani.

Justeru, sebelum sebarang keputusan dibuat, Malaysia dan Singapura hendaklah dibenarkan melaksanakan hak masing-masing, termasuk membenarkan

nelayan Malaysia menangkap ikan dan rondaan pasukan keselamatan di perairan pulau terbabit.

Republik itu juga berhak mengendalikan rumah apinya (Rumah Api Horsburgh).

Pada masa sama, ini tidak bermakna Singapura berhak meneruskan aktiviti

lain di pulau itu sebagaimana dilakukan sebelum ini, iaitu dengan membina

menara radar yang dipercayai untuk pengawasan kapal dan jeti bagi bot peronda marinnnya berlabuh serta membina tapak pendaratan helikopter.

Selama ini, Malaysia hanya berdiam diri atau setakat menghantar protes melalui saluran diplomatik terhadap kerja pembinaan yang dilakukan di pulau itu.

Ini tidak bermakna yang negara ini membenarkan republik itu melakukan sebarang tindakan sesuka hati tanpa mempedulikan syarat yang telah dipersetujui bersama.

Perjanjian khas yang ditandatangani hari ini memberi petanda baik dalam

menjernihkan semula hubungan kedua-dua negara kerana pertikaian terhadap kedaulatan sesuatu wilayah antara kedua-dua negara terbabit hendaklah diselesaikan secara matang, rasional dan tanpa perlu campur tangan pihak lain atau penggunaan cara konfrontasi atau ketenteraan.

Seperti yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini, penduduk Singapura juga saudara rakyat Malaysia dan mereka sentiasa dialu-alukan ke sini.

Sebelum tarikh 6 Februari ini dipersetujui, Malaysia menyerahkan sekurang-kurangnya tujuh tarikh (untuk menandatangani perjanjian khas itu)

sejak awal tahun lalu tetapi tidak dipersetujui republik berkenaan.

Bagaimanapun, Singapura mencadangkan perjanjian itu ditandatangani ketika mesyuarat Asean-Kesatuan Eropah (EU) di Brussels, Belgium.

Malaysia pula mempertikaikan rasional di sebalik pemilihan Brussels kerana berasakan ia perlu dibuat dalam ruang lingkup kedua-dua negara ini.

Sesetengah pihak juga menganggap `kempen memburukkan Malaysia' oleh pemimpin dan media negara itu turut bertujuan mengabui mata rakyatnya yang menghadapi ketidaktentuan ekonomi terburuk sejak pulau itu berpisah dengan Malaysia.

Sebenarnya, selain Pulau Batu Putih, ada dua pulau kecil berhampirannya yang turut menjadi pertikaian, iaitu Middle Rock dan South Ledge.

Kedua-dua pulau berkenaan hanya dituntut republik itu selepas 13 tahun Singapura membuat tuntutan ke atas Pulau Batu Putih, iaitu ketika perundingan teks perjanjian dibuat pada 1993.

Namun, Singapura tidak menyatakan sebarang alasan bagi tuntutan dua pulau berkenaan.

(Singapura menghantar protes mereka kepada Malaysia mengenai hak wilayah Pulau Batu Putih pada Februari 1980, iaitu selepas negara ini membentangkan pemetaannya pada tahun sebelumnya.)

Pulau Batu Putih atau digelar Singapura sebagai Pedra Branca terletak 7.75 batu nautika (14.3 kilometer) dari Tanjung Penyusop, Johor, sementara

dari Singapura, jarak pulau berkenaan ialah 25 batu nautika (46.3 km).

Berdasarkan rasional, jarak yang dekat itu memihak kedaulatan pulau itu kepada Malaysia. Itu pasti menjadi antara hujah terkuat Malaysia dalam tuntutan di ICJ kelak.

Middle Rock pula terletak 0.5 batu nautika dari Batu Putih manakala South Ledge (hanya kelihatan ketika air surut), sejauh 1.7 batu nautika dari Middle Rock.

Singapura sebelum ini memberi alasan pengurusan rumah api di Pulau Batu Putih yang ditadbir Inggeris sejak 1840 (yang ketika itu menjajah Singapura), sebagai bukti pulau berkenaan termasuk dalam wilayahnya.

Bagaimanapun, sehingga kini tidak ada bukti bertulis yang mencadangkan pulau berkenaan diserahkan bulat-bulat kepada Inggeris oleh Sultan Johor.

Mengikut fakta sejarah, jika benar ia adalah hak Inggeris yang

kemudiannya diserahkan kepada Singapura, tidak ada sebab bagi pihak berkuasa Inggeris perlu mendapatkan kebenaran daripada Kesultanan Johor untuk membina rumah api pada 1851 - dibina atas hasil usaha pedagang yang mengutip tol dan dana yang diperoleh daripada kapal yang melalui perairan berkenaan.

Selepas dibina, Gabenor Negeri-Negeri Selat yang tinggal di Singapura pula dilantik sebagai pentadbir bagi mengurus rumah api itu.

Atas alasan itulah, Singapura mendakwa mereka sudah mentadbir Pulau Batu Putih sejak 150 tahun lalu dan menganggap ia sebahagian wilayah mereka walaupun kedudukan pulau itu lebih dekat dengan Johor.

Apa pun, perjanjian sudah ditandatangani dan Malaysia mahupun Singapura hendaklah bersiap sedia menyediakan fakta masing-masing untuk dibentangkan di ICJ.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Malaysia akan melakukan apa yang perlu bagi mempersiapkan diri dalam pembentangan kesnya di ICJ.

Malah, beberapa anggota pasukan yang memenangi kes tuntutan Pulau Sipadan dan Ligitan akan turut terbabit dalam kes kali ini.

Beliau juga menyatakan bahawa Malaysia sudah menunjukkan kesediaan ikhlas untuk menyelesaikan pertikaian berhubung pulau berkenaan di ICJ walaupun kita menganggap semua pulau terbabit milik negara.

Sehingga keputusan akhir ditentukan, katanya, kedua-dua negara harus bersikap bertanggungjawab dalam sebarang tindakan yang diambil.

"Kita biarkan ICJ menentukan hak kedaulatan tiga pulau berkenaan. Sehingga keputusan dibuat, Malaysia dan Singapura harus berusaha menangani situasi itu secara bertanggungjawab," katanya.

Peringatan itu berikutan sebelum ini konfrontasi ketenteraan membabitkan pihak berkuasa kedua-dua negara dilaporkan di perairan itu. Malah, cakap-cakap perang meningkatkan ketegangan di antara kedua-dua negara yang tidak pernah dilihat sebelum ini.

Kini, dengan termeterainya perjanjian khas di antara Malaysia dan Singapura, hanya mahkamah antarabangsa yang dapat menentukan kedaulatan bagi ketiga-tiga pulau terbabit.

Apa yang diharapkan adalah kedua-dua negara akan menghormati perjanjian yang ditandatangani dan bukan setakat mendokumenkan satu lagi perjanjian di antara Malaysia dan Singapura tanpa mengotakan syarat serta peruntukan yang ditetapkan.

Sama ada perjanjian ini membuka jalan kepada hubungan lebih 'mesra' atau lebih bersifat 'kiasu' oleh Singapura sukar dijangkakan berikutan masih banyak isu hangat tertunggak yang menanti.

Sekurang-kurangnya wujud permulaan ini yang lebih baik daripada tiada

permulaan langsung. Namun, perjalanan bagi menjernihkan hubungan  
`Malaysia  
dan Singapura yang akrab' masih jauh.